

R B665 BAH
MAHATHIR - PERGIGIAN

MELAKA, 23 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN PERGIGIAN DI NEGARA INI AGAR SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

WALAU PUN KEMAJUAN DALAM ASPEK KESIHATAN DI NEGARA INI ADALAH MEMUASKAN, NAMUN USAHA MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN PERGIGIAN DI MALAYSIA ADALAH PERLU, KATANYA DALAM KATA-KATA ALUAN PADA BUKU CENDERAMATA KONVENSYEN SAINTIFIK DAN MESYUARAT AGUNG KE-47 PERSATUAN DOKTOR-DOKTOR PERGIGIAN MALAYSIA (MDA).

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENAUNG MDA BERKATA, KERAJAAN TELAH MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN SEBAGAI SATU KOMPONEN PENTING DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI TARAF KESIHATAN RAKYAT.

DI SAMPING KLINIK-KLINIK PERGIGIAN, KERAJAAN JUGA TELAH MENAMBAH UNIT PERGIGIAN BERGERAK DAN BILANGAN KLINIK PERGIGIAN KHAS UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH, KATA BELIAU.

MENGENAI KONVENSYEN ITU, PERDANA MENTERI PERCAYA PARA DOKTOR PERGIGIAN AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN DAN SUMBANGAN MEREKA DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI TARAF KESIHATAN PERGIGIAN DI NEGARA INI. --
BERNAMA

1815MST 23 03 90